

## PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH OLEH PENGANUT KRISTIAN DI MALAYSIA MENURUT MASLAHAH

*The Use of Word Allah by Non-Muslims in Malaysia According to Maslahah*

Nur Wahida Binti Lokman<sup>1a\*</sup>, Amir Husin Mohd Nor<sup>2b</sup>, Setiyawan Gunardi<sup>3c</sup>

<sup>a</sup>Pelajar Sarjana Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan

Emel: [wadaaa@raudah.usim.edu.my](mailto:wadaaa@raudah.usim.edu.my)

<sup>b</sup>Professor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Emel: [amirhusin@usim.edu.my](mailto:amirhusin@usim.edu.my)

<sup>c</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Emel: [setiyawan@usim.edu.my](mailto:setiyawan@usim.edu.my)

\*Corresponding Author: [wadaaa@raudah.usim.edu.my](mailto:wadaaa@raudah.usim.edu.my)

Received: 14/2/2022

Accepted: 4/4/2022

Published: 27/5/2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no3.444>

<i>Abstrak</i>	<i>Abstract</i>
<p>Konflik telah berlarutan antara masyarakat Islam dan masyarakat Kristian di Malaysia apabila pada 2021, rakyat Malaysia dikejutkan dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang memutuskan bahawa penganut agama Kristian boleh menggunakan kalimah Allah dan tiga perkataan lain iaitu solat, Kaabah dan Baitullah dalam penerbitan agama itu dan untuk pendidikan dalam komuniti mereka selain daripada konflik yang telah berlaku pada 2003 dahulu. Ini menyebabkan masyarakat Islam merasa tidak berpuas hati serta menunjukkan bahawa masih tiada jalan penyelesaian yang kukuh bagi masalah tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menerangkan maksud kalimah Allah menurut Bahasa Arab, dan menurut penganut Kristian. Kajian ini juga akan menyimpulkan kewajaran penggunaan kalimah tersebut dibenar pakai kepada penganut Kristian di Malaysia menurut kaca mata maslahah. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan</p>	<p>Conflict has dragged on between the Muslim and Christian communities in Malaysia when in 2021, Malaysians were shocked by the Kuala Lumpur High Court ruling that Christians can use the word Allah and three other words solat, Kaaba and Baitullah in their religious publications and for their education apart from the conflict that had occurred in 2003 before. This has caused the Muslim community to feel dissatisfied and shows that there is still no solid solution for the problem. Therefore, this study will present the meaning of the word Allah in terms of Arabic dictionary and according to Christians. This study will also conclude the appropriateness of the use of the word is allowed to apply to Christians in Malaysia according to maslahah perspective. This study uses literature</p>

<p><i>daripada sumber primer dan sekunder serta analisis data. Hasil kajian mendapati bahawa kalimah Allah menurut Bahasa Arab adalah berasal dari kata nama khas (isim alam) manakala menurut penganut Kristian ia merupakan tuhan bapa dalam konsep trinity. Kewajaran penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia juga dikategorikan sebagai Al-Masalih Mursalah.</i></p> <p><i>Kata kunci: Allah, Islam, Kristian, Maslahah.</i></p>	<p><i>methods from primary and secondary sources and data analysis. The results of the study found that the word Allah is a proper noun and according to Christians it is Father God from trinity concept. The appropriateness the use of Allah word by non -Muslims in Malaysia belongs to the type of Al-Masalih Mursalah.</i></p> <p><b>Keyword:</b> Allah, Islam, Christians, Maslahah</p>
--	--

## 1. PENDAHULUAN

Konflik telah berlaku antara masyarakat Islam dan masyarakat Kristian di Malaysia apabila pada awal tahun 2009, masyarakat Malaysia dikejutkan dengan isu penggunaan kalimah Allah SWT. Setelah Mahkamah memutuskan bahawa pihak gereja Herald Catholic boleh menggunakan kalimah Allah, ia menyebabkan umat Islam khususnya Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam serta masyarakat menunjukkan ketidakpuasan hati dan kurang senangnya dengan keputusan tersebut (Zulkifli, 2011). Tibanya pada 2021, rakyat Malaysia dikejutkan pula untuk kali kedua dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang memutuskan bahawa penganut agama Kristian boleh menggunakan kalimah Allah dan tiga perkataan lain iaitu solat, Kaabah dan Baitullah dalam penerbitan agama tersebut bagi tujuan pendidikan dalam komuniti mereka. Keputusan ini bukan sahaja mendapat kritikan daripada rakyat yang beragama Islam akan tetapi Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar turut menzahirkan rasa dukacita baginda dengan kebenaran tersebut. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) juga ada memohon untuk mencelah dalam rayuan kerajaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi berhubung hak penggunaan kalimah 'ALLAH' oleh wanita beragama Kristian dari Sarawak yang telah digunakan bagi tujuan pendidikan agamanya (Jill Ireland bt Lawrence Bill v Menteri Bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia & Anor [2021] MLJU 360)

Di samping itu, *maslahah* merupakan asas yang menjadi teras pembangunan semua kepentingan agama dan dunia. Sekiranya tidak dititik beratkan *maslahah*, ia akan menyebabkan pentadbiran hal ehwal keduniaan tidak dapat diurus dengan betul dan akhirnya akan mengucar kacirkan kehidupan (Al-Shātibī, t.t). Justeru, isu kalimah Allah ini amat penting untuk dilihat dari segi maslahahnya supaya dapat membantu memberikan kefahaman kepada para

pemimpin dan juga masyarakat Islam dalam memelihara kehidupan bermasyarakat serta kehidupan beragama.

## 2. MAKSUD KALIMAH ALLAH

### 2.1 Menurut Bahasa Arab

Menurut Ibn Kathīr (2000) "Allah" ialah kata nama khas bagi Tuhan yang bersifat agung dan bersifat dengan segala sifat kesempurnaan sebagaimana sifat 99 di dalam Asma al-Husna serta tidak dinamakan selain kepada-Nya. Maksud dari sudut Bahasa pula, menurut Al-Bakhī, kalimah Allah bukanlah berasal daripada Bahasa Arab, akan tetapi ianya berasal daripada Bahasa Ibrani atau Siryani yang telah diarabkannya menjadi Lahan yang bermaksud mempunyai kudrat (Zulkifli, 2010). Berlainan pula dengan pandangan *ulama* muktabar yang mengatakan bahawa kalimah Allah adalah daripada Bahasa Arab. Iaitulah pandangan daripada Imam Syafie, Muhammad Ibn al-Hasan, Imam Al-Haramayn, Imam al-Ghazālī dan kebanyakan ahli usul dan feqah. Begitu juga pendapat daripada al-Khalīl dan Sibawayh bahawa lafaz Allah adalah daripada Bahasa Arab dan nama pada asalnya untuk zat-Nya sahaja.

Ibn Kathīr menukarkan dua pandangan ahli Bahasa Arab berkaitan asal usul lafaz perkataan Allah. Pandangan pertama mengatakan bahawasanya lafaz Allah ialah ism *jāmid* iaitu kata nama yang mengandungi maksud sesuatu sifat dan tidak diambil daripada perkataan lain seperti qalam iaitu pen (Ibn Kathīr, 2000). Menurut al-Qurtubī bahawa dikalangan ulama seperti al-Shafi'i, al- Khattabi dan lain-lain bahawa al-Khalil dan Sibawayh mengatakan huruf lam dan alif pada kalimah Allah adalah asal perkataan. Manakala pandangan kedua pula berpandangan bahawa kalimah Allah ialah *ism mushtāq* iaitu kata nama yang diambil daripada perkataan lain yang mengandungi maksud sesuatu sifat seperti kalimah 'ālim diambil daripada perkataan 'ilm yang bermaksud orang berilmu. Dua pandangan ini berbeza dengan pandangan kebanyakan ahli usul dan fuqaha. Hal ini kerana mereka berpandangan bahawa lafaz Allah ialah kata nama khas ('alam) yang tidak diambil daripada mana-mana perkataan sama sekali iaitulah juga pendapat Ibn Kathīr, al-Khalīl, Sibawayh dan Fakhr al-Rāzi. Mereka berhujah bahawa sekiranya kalimah Allah itu diambil daripada mana-mana perkataan maka kalimah tersebut akan berkongsi banyak makna.

### 2.2 Menurut Penganut Kristian

Tuhan di sisi orang Kristian adalah merujuk kepada doktrin Triniti iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus (Ramly, 2013). Maksud penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam ialah penggunaan istilah yang sama atau nama yang sama bagi Tuhan yang berlainan. Menurut Setiausaha Umum National Evangelical Christian Fellowship (NECF), Eugene Yapp didalam ucapannya, Bible pada asalnya bukan dalam Bahasa Inggeris tetapi dalam Bahasa Hebrew iaitu bahasa Semitik dari keluarga bahasa Afro-Asia. Namun apabila kitab itu diterjemahkan ke Bahasa Arab, perkataan Tuhan diterjemahkan kepada Allah. Begitu juga dengan perkataan God dalam Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu diterjemah sebagai Allah.

Kristian menegaskan bahawa *trinity* itu merupakan satu bentuk kewujudan Tuhan dalam tiga individu yang bersatu sebagai Tuhan yang satu. Tuhan bapa merujuk kepada tuhan yang menciptakan alam berada di syurga, tuhan anak adalah Jesus Christ yang bersama-sama dengan manusia dan tuhan roh kudus pula wujud dalam bentuk roh dan sering digambarkan dalam manama potret lukisan seperti burung merpati putih yang terbang dengan cahaya bersinar dibelakangnya sebagai simbol keamanan atau potret puting beliung yang melambangkan simbol kekuatan (Razali Musa, 2020).

Terdapat juga beberapa pendapat daripada cendekiawan dan tokoh Kristian yang tidak bersetuju dengan penggunaan kalimah Allah oleh orang Kristian. Izzat Andrews seorang penganut Kristian Koptik di Mesir di dalam artikelnya yang berjudul “Allah Bukan Tuhan Agama Kristian dan Yahudi” telah menyatakan bahawa kalimah Allah hanya berasal daripada penggunaan orang Jahiliyyah yang merujuk kepada Tuhan Bulan. Ia tidak pernah termaktub dalam kitab-kitab suci Yahudi mahupun Nasrani. Tuhan bagi agama Kristian adalah Elohim. Selain itu, setelah ada seruan kepada penganut agama Kristian untuk menggunakan kalimah Allah, penganut Kristian sama ada dalam kalangan Protestan mahupun Katolik sendiri telah membuat bantahan dengan kenyataan “*Bishop Martinus Tiny Muskens can pray to Allah all he wants, but only addlepated Catholics will follow his lead. It's not a good sign when members of the Catholic hierarchy indulge in a fawning exchange with Muslims or those of any other religion*”. Seorang paderi besar di Indonesia, Jahja Iskandar juga mengakui bahawa kalimah Allah adalah khusus untuk umat Islam sahaja (Zulkifli, 2013).

### 3. KONSEP MASLAHAH

#### 3.1 Definisi Maṣlahah

*Maṣlahah* merupakan kata tunggal dari *āl-maṣalih*, yang sama maksud dengan kata *al-islah*, iaitu mendatangkan kebaikan. Terdapat dalam keadaan lain juga, ia diistilahkan dengan *al-istiṣlāh* yang bermaksud mencari kebaikan. Dari segi istilah pula, *maṣlahah* bermaksud sebagai faedah yang ditentukan oleh Allah bagi hamba-hamba-Nya dengan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Menurut Iman Ghāzālī pula yang dimaksudkan dengan *maṣlahah* adalah melindungi tujuan syariah yang memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda (al-Ghāzālī, 1983). Berdasarkan pengertian-pengertian tersebut, dapat disimpulkan bahawa setiap sesuatu, apa sahaja yang mengandungi manfaat di dalamnya baik untuk memperoleh manfaat, kebaikan atau menolak kemudaratannya serta untuk menjaga agama, nyawa, akal, harta benda dan keturunan, maka itu semua dipanggil sebagai *maṣlahah*.

### 3.2 Jenis-Jenis Maslahah

- a. *Maṣlahah M'tabarah*: Ianya merupakan *maṣlahah* yang diperakui oleh *syara'* serta ada dalil tertentu yang menunjukkan pengiktirafan kepada sesuatu perkara tanpa perlu merujuk asal yang tertentu daripada *syara'* (Badran, 1969). *Maṣlahah* ini juga dikenali sebagai *al- munāṣib al-m'tabarah* di mana hasilnya kembali kepada *qīyas*. Hukum berdalil dengan *maṣlahah* ini adalah harus.
- b. *Maṣlahah Mulgah*: *Maṣlahah* ini adalah *maṣlahah* yang tidak diiktiraf oleh *syara'*. Kebanyakan pengkaji hukum Islam sepakat bahawasanya *maṣlahah* ini tidak sesuai untuk dijadikan sebab bagi sandaran hukum walaupun akal manusia merasakan bahawa ia membawa manfaat kepada mereka (Al-Ashqar, t.t). Sebagai contoh kisah fatwa mewajibkan kafarah puasa 2 bulan berturut2 kepada raja daripada memerdekaan hamba kerana ia kaya raya. Walhal secara *nass* ia perlu tertib memerdekaan baru puasa. Ini bertentangan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, ada seorang laki-laki datang kepada Rasulullah ﷺ lantas berkata, "Celakalah aku! Aku mencampuri isteriku (siang hari) di bulan Ramadan. Beliau bersabda, "Merdekakanlah seorang hamba sahaya perempuan." Dijawab oleh laki-laki itu, "Aku tidak mampu." Beliau kembali bersabda, "Berpuasalah selama dua bulan berturut-turut." Dijawab lagi oleh laki-laki itu, "Aku tak mampu." Beliau kembali bersabda, "Berikanlah makanan kepada enam puluh orang miskin," (HR al-Bukhari). Sekiranya seorang itu mencampuri isteri mereka pada siang hari di bulan Ramadhan maka perlu bagi mereka memerdekaan seorang hamba. Jika tidak mampu maka perlu berpuasa dua bulan berturut-turut dan jika masih tidak mampu perlu membeei makan kepada enam puluh orang miskin.

c. *Maṣāliḥ Al-Mursalah*: Sesuatu kemaslahatan mengenai hukum *syara'* yang tidak disyariatkan oleh *syara'* serta yang mewujudkan hukum dan juga tiada dalil *syara'* yang menunjukkan ada atau tiada hukum tertentu. Atau dalam erti kata lain, membuat sesuatu hukum dan undang-undang yang baik serta berfaedah untuk kepentingan manusia dan masyarakat yang tiada sebarang nas untuk dijadikan bukti dan dasar samada ia boleh dilaksanakan, harus atau tidak boleh dilaksanakan (Abdul Latif Muda, 1997). Contohnya, peniaga perlu memohon sijil halal bagi makanan yang diniagakan.

#### 4. KONSEP MASLAHAH DALAM PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH OLEH ORANG BUKAN ISLAM DI MALAYSIA

Di negara Malaysia, apabila disebut perkataan Allah secara umum dan khusus, ia akan merujuk kepada perkataan dan penggunaan oleh orang yang beragama Islam. Namun di Malaysia, kalimah Allah hanya tidak digunakan oleh penganut bukan Islam di semenanjung malah telah diguna bersama antara penganut agama Islam dan bukan Islam di Sabah dan Sarawak sejak sekian lamanya.

Terdapat beberapa *maṣlaḥah* yang boleh didapati kesan daripada penggunaan bersama kalimah ‘Allah’ antara masyarakat Islam dan bukan Islam di wilayah timur Malaysia tersebut seperti perpaduan dan toleransi sesama agama yang berjaya digapai tanpa wujudnya permusuhan sejak berabad lamanya. Menurut dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang beragama Islam dari negeri Sabah dan Sarawak, mereka telah mengatakan bahawa penggunaan kalimah Allah bukanlah sebuah isu di Sabah dan Sarawak kerana ia sudah lama digunakan oleh komuniti bukan Islam sejak sekian lama (Willie Jude, 2021). Berdasarkan kenyataan bertulis yang bertarikh 18 Mac 2021 oleh Pejabat Ketua Menteri Sarawak, mereka membenarkan penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam dan mereka menegaskan bahawa penganut Islam di Sarawak menghormati orang Kristian, sama seperti penganut Kristian menghormati orang Islam dan begitu juga penganut dari agama lain (Pejabat Ketua Menteri Sarawak, 2021).

Selain itu, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Hakim NorBee dalam kes Jill Ireland dan Kementerian Dalam Negeri Malaysia yang membenarkan penggunaan kalimah Allah dan 3 kalimah lain menegaskan bahawa sekiranya Kementerian Dalam Negeri ingin menyekat penggunaan kalimah-kalimah tersebut daripada digunakan oleh orang bukan Islam, mereka perlu untuk mengemukakan bukti bahawa adanya ancaman ketenteraman awam jika ia

dibenarkan (Jill Ireland bt Lawrence Bill v Menteri Bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia & Anor [2021] MLJU 360). Mahkamah membenarkan penggunaan tersebut oleh kerana masih tiada ancaman yang serius kepada masyarakat dalam negara. Penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian telah membuktikan bahawa wujudnya toleransi antara penganut agama dan tidak menjasaskan ketenteraman awam, namun perkara ini perlu dilihat dari sudut *syara'*nya adakah *syara'* membenarkan penggunaan tersebut atau melarangnya secara mutlak.

Nas-nas al-Quran dan Sunnah tidak membantah sesiapa yang memanggil Tuhan dengan panggilan Allah sekalipun oleh penganut yang bukan beragama Islam. Bahkan itulah nama Tuhan yang sebenar. Apa yang dibantah oleh al-Quran dan al-Sunnah ialah syirik yang mereka lakukan. Surah Al-Ankabut ayat 63, Allah berfirman mafhumnya:

*"Dan sesungguhnya jika engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang Musyrik) itu: "Siapakah yang menurunkan hujan dari langit, lalu dia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya?" sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah". Ucapkanlah (Wahai Muhammad): "Alhamdulillah" (sebagai bersyukur disebabkan pengakuan mereka yang demikian), bahkan kebanyakan mereka tidak menggunakan akal (untuk memahami tauhid)".*

Ayat ini menerangkan bahwasanya Allah tidak melarang kaum musyrik iaitu kaum yang bukan beragama Islam daripada menggunakan kalimah Allah. Bahkan Nabi Muhammad s.a.w disuruh untuk mengucapkan syukur kerana mereka mengakui kebesaran Allah. Perkara yang dibantah di dalam ayat ini bukanlah kepada lafaz kalimah Allah tersebut akan tetapi kepada ketidak tulisan tauhid yang menyebabkan akidah terhadap Allah itu dipesongkan atau bercampur syirik (Mohd Asri, 2021).

Terdapat banyak ayat dalam al-quran melarang perbuatan syirik, antaranya adalah dalam surah An-Nisaa' ayat 171, Allah berfirman mafhumnya:

*"Wahai Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; Sesungguhnya Al Masih Isa ibni Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah dan kalimah Allah yang telah disampaikanNya kepada Maryam, dan (ia juga tiupan) roh daripadanya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasulnya, dan janganlah kamu mengatakan: (Tuhan itu) tiga."*

Ayat tersebut memberi peringatan kepada kaum yahudi dan nasrani supaya tidak mensyirikkan Allah dengan mengatakan bahawa Allah itu tiga padahal

ia adalah satu. Jika dilihat dalam konteks kepercayaan yang dipegang oleh penganut Kristian, mereka memegang konsep trinity iaitu adanya tuhan bapa, anak dan tuhan roh kudus dimana tuhan bapa adalah Allah iaitu pencipta alam semula jadi. Mereka tidak menafikan Allah sebagai pencipta akan tetapi mereka telah melakukan perbuatan syirik iaitu dengan mengatakan bahawa tuhan itu tiga dan ini secara tidak langsung menafikan keesaan Allah.

Perkara ini menjadi polemik di Malaysia apabila ia dikaitkan dengan akidah. Umat Islam bimbang sekiranya penggunaan ini dibenarkan kepada orang bukan Islam ia akan mempengaruhi fikiran anak muda dan juga saudara-saudara Islam yang masih bertatih dalam mengenal agama Islam. Kalimah Allah tidak dinafikan merupakan kalimah tauhid bagi umat Islam di Malaysia dan juga umat Islam diseluruh dunia. Namun, jika dilihat daripada nas-nas yang telah dinyatakan sebelum ini, tiada nas yang menyebut dan tentang larangan penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam menjadikan penggunaannya bukan daripada jenis *Maslahah mulgah* kerana ia tidak bertentangan dengan dalil syara'. Al-Quran mahupun hadis malah tidak menyebut bahawa kalimah Allah itu hak mutlak penganut agama Islam sahaja sebagaimana yang dipegang oleh umat Islam di Malaysia. Jika dilihat dari segi *maslahah* yang terbina di negeri Sabah dan Sarawak dan juga negara-negara luar seperti negeri Arab dan Indonseia, penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam memberikan impak positif seperti wujudnya toleransi antara agama, saling hormat menghormati malah kenteraman awam juga tidak terganggu. Ini menujukkan bahawa penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan Islam adalah tergolong dalam kategori *Maṣalih Al-Mursalah* kerana ia tidak bertentangan dengan syara' dan tiada dalil yang menyatakan larangan penggunaannya. Kerajaan boleh menerapkan konsep *Maṣalih Al-Mursalah* dalam menyelesaikan isu ini untuk kebaikan umum dan bagi mencapai *Maqāṣid Sharīah*.

## 5. CADANGAN

Polemik penggunaan kalimah Allah telah menimbulkan keresahan dan konflik yang berpanjangan khususnya membabitkan hubungan di antara umat Islam dan Kristian di Semenanjung Malaysia. Banyak perbahasan dan ketidakpuasan yang timbul menampakkan isu ini masih belum ada jalan penyelesaiannya walaupun keputusan perundangan berkaitan isu kalimah Allah ini telah diputuskan pada Mac 2021 dan kini dalam proses ke peringkat rayuan.

Untuk menangani isu tersebut, adalah disyorkan seperti berikut;

- a. Dicadangkan kepada Parlimen untuk menggubal Sistem Mahkamah di Malaysia untuk mengiktiraf hukum Islam sebagai sumber undang-undang di peringkat sivil supaya dalam setiap keputusan undang-undang yang melibatkan isu agama Islam, mereka mampu untuk memberi satu justifikasi yang bukan sahaja melihat pada fakta akta semata tetapi juga mampu untuk menerapkan konsep syariah untuk memahamkan rakyat yang beragama Islam khususnya dan bukan Islam umumnya.
- b. Adalah disyorkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mengeluarkan satu garis panduan penggunaan kalimah Allah untuk faedah masyarakat di Malaysia secara umum agar toleransi dan keamanan antara penganut agama Islam dan bukan Islam dapat dicapai serta tidak ada lagi isu penggunaan kalimah Allah yang berbangkit.

## 6. KESIMPULAN

Isu kalimah Allah akan terus menerus menjadi satu topik perdebatan apabila keluarnya keputusan mahkamah sekiranya masih tiada jalan penyelesaian yang merujuk kepada syara'. Hal ini kerana kebanyakan mereka yang menyuarakan ketidakpuasan adalah daripada kalangan penganut agama Islam disebabkan ia melibatkan kalimah yang menyentuh sensitiviti agama Islam di Malaysia. Perkataan Allah merupakan kata nama khas (*isim alam*) di dalam Bahasa Arab manakala menurut penganut Kristian dalam konsep trinity, Allah merujuk kepada tuhan bapa iaitu tuhan yang menciptakan alam semula jadi. Penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia dikategorikan sebagai *Masaliḥ Al-Mursalah* kerana tiada dalil syarak yang menegah atau menyuruh orang Kristian menggunakan kalimah Allah. Pencerahan kepada masyarakat Islam khususnya mengenai penggunaan kalimah Allah adalah perlu untuk memastikan tiada lagi tanda tanya masyarakat akan status penggunaan kalimah tersebut berdasarkan syara'. Diharapkan kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berwajib dalam menyelesaikan konflik kalimah Allah daripada terus berulang dan secara tidak langsung mengelakkan salah faham antara kaum berlainan agama di Malaysia.

## 7. RUJUKAN

- Abdul Latif Muda, R. A. (1997). *Pengantar Usul fiqh*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam sdn.bhd.
- Al-Alūsi. (1999). *Tafsir Ruh al-Ma'ani*. Dar al-Ihyā al-Turāth al-Arābi.
- Al-Ashqār, U. S. (n.d.). *Nazarat fi Usul al-Fiqh*. Jordan: Dar al-Nafāīs.
- Al-Bakri, Z. (2010). Keabsahan Penggunaan Nama Allah SWT Hanya Untuk Orang Islam. *JAKIM*, 1, 19.
- al-Ghazali. (1983). *Al-Mustafa' min 'Ilm al-Usul* (Vol. 1). Beriut: Dār āl-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syātībī, I. b. (n.d.). *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*. Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Awani, A. (2021, Mac 18). *Astro Awani*. Retrieved from Kalimah Allah: Tiada larangan buat penganut Kristian di Sarawak: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kalimah-allah-tiada-larangan-buat-penganut-kristian-di-sarawak-288712>
- Badran, A. a.-A. (1969). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dār al-Ma'arif.
- Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, R. J. (2013). In *Kalimah Allah Isu dan Penyelesaiannya* (pp. 5, 28). Bandar Baru Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi sdn bhd.
- Ibn Kathīr, I. b. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-Azmi*. Beirut: Dār Ihyā al-Turāth al-Arabi.
- Jill Ireland bt Lawrence Bill v Menteri Bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia & Kerajaan Malaysia, R4(2)-25-256-2008 (Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Mac 17, 2021).
- Kini, P. M. (2021, Mac 31). *Kalimah Allah hanya berkaitan Islam* . Retrieved from Berita Melayu Terkini : <https://beritamelayukini.com/2021/03/31/kalimah-allah-hanya-berkaitan-islam-pengerusi-dbp/>

- Mohd Asri Zainul Abidin (2021). *Isu bukan- Muslim guna kalimah Allah.* <https://harakahdaily.net/index.php/2021/03/11/isu-bukan-muslim-guna-kalimah-allah/>. Diakses pada 19 April 2022.
- Razali Musa, M. R. (2020). Ilmu Mantik dan Isu Akidah Kontemporari. *Malaysian Journal For Islamic Studies*, 37.
- Rosmizi, W. M. (2013). Agama-Agama Di Dunia . Nilai: Penerbit Usim.
- Sarawak, P. K. (2021, Mac 18). Press Statement on the issue of Allah. Sarawak, Malaysia .
- Wan Hasaln Khairuddin, D. I. (2014). Kalimah Allah Meunurut Perbahasan Linguistik Dan Teologi. 3.
- Willie Jude, G. P. (2021, Mac 17). *freemalaysiatoday*. Retrieved from Kalimah Allah bukan isu di Sabah, Sarawak, kata ADUN beragama Islam: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/03/17/kalimah-allah-bukan-isu-di-sabah-sarawak-kata-adun-beragama-islam/>
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, L. H. (2011). Keabsahan Penggunaan Nama Allah SWT : Uruf, Fatwa dan Perundangan. *jurnal infad.indd*, 92-93.

#### **Penafian**

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.